

Koronavirus di Malaysia belum serius

Kerajaan belum ada perancangan mengenakan larangan kepada pelancong China

KLANG

Kerajaan belum ada perancangan untuk mengenakan larangan terhadap pelancong China khususnya dari Wuhan memasuki Malaysia susulan penularan wabak koronavirus yang melanda negara ini.

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, keputusan itu dibuat berdasarkan situasi semasa wabak koronavirus di negara ini yang disifatkan masih belum berada pada tahap serius.

Menurutnya, kebanyakan negara telah mengambil beberapa langkah tertentu berikutan ia situasi serius ketika ini memandangkan virus itu tidak dikenali sebelum ini dan merebak terlalu cepat.

"Bagaimanapun, Kementerian Kesihatan telah mengambil langkah yang sepatutnya dengan melakukan saringan terhadap pelancong dari China dan membolehkan kita mengesan tiga pelancong di Johor serta mengenakan kuarantin terhadap mereka.

"Jadi pada masa ini kita sudah mengambil langkah-langkah pencegahan dan orang ramai perlu memakai topeng dan menjauhkan diri daripada orang yang disyaki dijangkiti virus ini.

"Malah pemerintah China juga telah mengambil tindakan drastik dengan mengenakan kuarantin ke atas 40 juta rakyatnya dalam usaha mereka menyekat wabak ini daripada terus merebak," katanya.



DR MAHATHIR

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menghadiri Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina 2020 anjuran Menteri Kewangan, Lim Guan Eng dan Persatuan-persatuan Cina Klang di Bangunan Persatuan Hokkien Klang semalam.

Hadir sama, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad; Menteri Industri Utama, Teresa Kok dan Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

Mengulas lanjut, Dr Mahathir berkata, Kementerian Kesihatan (KKM) juga menyarung rakyat Malaysia yang berada di China sejak beberapa hari lalu sebelum memasuki semula negara ini untuk memastikan mereka tidak menyebarkan penyakit berkenaan.

Sementara itu, Dr Dzulkefly berkata, KKM sedang berusaha untuk menambah alat pengesan suhu di kesemua pintu masuk utama negara bagi mengesan virus itu lebih awal.

"Pengimbas ini sangat penting, setakat ini kita mempunyai 51 unit, itulah sebabnya kami meminta Kementerian Kewangan, dalam fasa krisis ini, menyediakan lebih banyak peruntukan untuk meningkatkan keupayaan peralatan kami," katanya.



Ketiga-tiga individu positif koronavirus dihantar ke Hospital Sungai Buloh kerana hospital itu adalah Pusat Rujukan Penyakit Berjangkit Kebangsaan yang merupakan hospital pakar kepada penyakit berjangkit

SINGAPURA

Rombongan pelancong dari Wuhan, China tiba di Singapura pada 21 Januari 2020.

25 Januari 2020

Kementerian Kesihatan mengesahkan tiga kes pertama koronavirus di Malaysia. Ketiga-tiga kes merupakan pelancong dari Wuhan, China yang masuk melalui Johor Bahru. Ketiga-tigapelancong yang dijangkiti berada dalam rombongan yang sama dengan kes yang beritaku di Singapura.

24 Januari 2020

Tiga kes positif koronavirus dikesan di Singapura. Ketiga-tiga kes merupakan pelancong dalam rombongan yang sama dari Wuhan, China.

KKM turut mengesahkan kes keempat positif koronavirus. Pelancong kes keempat ini juga masuk ke Johor Bahru dan Singapura. Bagaimanapun, kes keempat ini daripada rombongan berlainan

Empat kes positif koronavirus stabil dan dalam pemantauan

SHAH ALAM - Kesemua empat kes pesakit yang positif wabak koronavirus berada dalam keadaan stabil dan sedang dipantau di wad isolasi di hospital yang dikenal pasti sebagai hospital rujukan bagi wabak berkenaan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, sejak 10 Januari lalu sehingga semalam, jumlah kumulatif kes pesakit di bawah pemantauan (PUI) jangkitan koronavirus adalah sebanyak 23 kes melibatkan 14 warganegara Malaysia, lapan China dan seorang rakyat Jordan.

Menurutnya, daripada jumlah PUI itu, terdapat hanya satu kes positif koronavirus iaitu seorang lelaki warganegara China berusia 40 tahun.

"Sementara itu, 18 kes PUI ada-

lah negatif (12 warganegara Malaysia, lima China dan satu Jordan) dan mereka telah discaj daripada hospital, manakala empat lagi kes PUI ini (dua warga Malaysia dan dua China) yang diletakkan dalam isolasi di beberapa hospital. Keputusan makmal mereka akan diketahui dalam tempoh terdekat," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Mengulas lanjut, beliau berkata, 17 orang kontak rapat kes positif keempat diletakkan di bawah Perintah Pemantauan dan Pengasingan di tempat yang disediakan sementara menunggu keputusan ujian ke atas mereka.

Mengambil kira situasi semasa, Kementerian Kesihatan terus meningkatkan langkah pencegahan dan kawalan wabak jangkitan koronavirus.